

# EAEC: Malaysia sedia hadapi tentangan

08 JUN 1994

(P)

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia sedia menyusun langkah bagi menghadapi tentangan Amerika Syarikat terhadap cadangan menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, heliau sudah mendapat maklumat mengenai pendirian Amerika Syarikat membantah EAEC seperti yang dimaklumkan kepada Kerajaan Jepun, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia akan mencari jalan bagi mengatasi perkembangan terbaru itu, termasuk menghadapi tentangan Kerajaan Amerika Syarikat.

"Kita sudah mendapat maklumat mengenai perkara ini dan seclang menyusun langkah bagi mencari jalan supaya kita dapat mengatasi tentangan Amerika Syarikat.

"Kemungkinan kita juga akan berusaha dengan Jepun. Bagaimanapun, terpulanglah kepada pendirian masing-masing," katanya ketika diminta mengulas laporan agensi berita asing mengenai kenyataan Ameri-

Tan Sri Osman Aroff.

Sebelum ini, agensi berita Jepun, *Kyodo*, melaporkan pada 7 Jun lalu, pejabat Kedutaan Amerika Syarikat di Tokyo memaklumkan kepada Kerajaan Jepun mengenai pendirian negara itu menentang cadangan penubuhan EAEC.

Dalam laporan yang berasaskan sumber-sumber daripada Asean dan Jepun, *Kyodo* melaporkan, Kerajaan Amerika Syarikat bimbang penubuhan EAEC boleh mengancam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Semalam, dalam temuramah dengan radio Australia, Menteri Luar Filipina, Roberto Romulo membidas Australia kerana memandang serong cadangan penubuhan EAEC di samping mengkritik sikap Canberra yang terlalu taksib memajukan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Bagaimanapun, Menteri Luar Australia, Gerath Evans, yang turut serta dalam temuramah itu menggambarkan bahawa beberapa aspek cadangan Malaysia mengenai penubuhan EAEC adalah berbahaya.

ka Syarikat yang dimaklumkan kepada Kerajaan Jepun, baru-baru ini.

Ini adalah kali pertama pentadbiran Bill Clinton yang sebelum ini mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap EAEC mengumumkan bahawa ia menentang cadangan Malaysia itu.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Bersama dan Pemindahan Teknologi di antara Pembinaan Javabumi (S) Sdn Bhd, P.P Centre Company Ltd of Thailand dan Hormozgan Province Municipalities Co of Iran.

Perjanjian Bersama itu mewujudkan kerjasama syarikat swasta Malaysia-Thailand-Iran di bidang pembinaan serta pembejalan loji penapis air berteknologi tinggi. Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Besar Kedah,

Dalam perkembangan lain, Bernama hari ini memetik laporan sebuah agensi berita asing di Singapura yang menyebut pegawai kedutaan Amerika di Tokyo berkata Thailand, pengerusi Asean sekarang dan Brunei, pengerusi dialog Asean-Amerika tahun ini, akan dimaklumkan mengenai pendirian Washington secepat mungkin.

Menurut laporan itu, pendirian Amerika yang menentang EAEC dimaklumkan selayaknya pegawai-pegawai Asean memberi taklimat kepada kerajaan Amerika semasa mesyuarat dialog Asean-Amerika di Washington bulan lepas.

Mesyuarat itu diadakan bagi membolehkan pegawai-pegawai Asean memberi gambaran jelas mengenai EAEC serta menyebarkan kertas kerja mengenai.